

PENTAKSIRAN PERTENGAHAN TAHUN

SK SANGGANG

SEJARAH

019

TAHUN 4

1 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Nama :

Kelas :

Arahan:

- 1) Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian utama iaitu **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**
- 2) Kamu dikehendaki menjawab **semua soalan** yang disediakan dalam ketiga-tiga bahagian ini.
- 3) Bagi soalan objektif, setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu: A,B,C,D. Pilih satu jawapan sahaja.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-20	20	
B	1	5	
	2	5	
	3	5	
	4	5	
C	1	5	
	2	5	
JUMLAH		50	

Bahagian A
[20 markah]

Jawab **semua** soalan. Bulatkan **1** jawapan yang **paling tepat** sahaja.

- 1 Mengapakah sumber primer disebut sebagai sumber pertama?
 - A Kerana sumber tersebut tidak penting.
 - B Kerana sumber tersebut berada dalam bentuk asal dan belum diolah.
 - C** Kerana sumber tersebut hanya digunakan sekali.
 - D Kerana sumber tersebut telah diubah dalam bentuk penulisan.

- 2 Berdasarkan senarai di bawah, yang manakah antara berikut **bukan** contoh sumber sekunder?
 - I Risalah
 - II Dokumen rasmi
 - III Majalah
 - IV Fosil
 - A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 3 Antara berikut, yang manakah merupakan contoh artifak yang boleh dijumpai melalui kaedah arkeologi?
 - A Kapal angkasa
 - B** Komputer riba
 - C Fosil
 - D Basikal

- 4 Gambar di bawah merupakan salah satu kaedah arkeologi bawah air yang dijalankan untuk mendapatkan maklumat tinggalan kebudayaan di dasar laut.



Gambar 1

Apakah nama lain bagi kaedah tersebut?

- A Arkeologi air
 - B Arkeologi dasar laut
 - C Arkeologi perkapalan
 - D Arkeologi maritim
- 5 Mengapakah penting untuk menyediakan soalan sebelum menjalankan temu bual?
- A Membuang masa semasa temubual
 - B Supaya kelihatan tidak profesional
 - C Memastikan semua maklumat yang diperlukan dapat dikumpulkan
 - D Dapat mempercepatkan proses temubual
- 6 Yang manakah berikut **BUKAN** sumber maklumat yang disebut dalam proses kaedah bertulis?
- A Bahan cetakan
 - B Batu
 - C Pasir
 - D Manuskrip kuno

7



Gambar 2

Gambar di atas merupakan peristiwa yang berlaku sepanjang tahun di sebuah sekolah.

Urutan masa di atas juga dikenali sebagai

- A** Kronologi
- B** Peristiwa lalu
- C** Kenangan
- D** Susunan masa

8 Bilakah anda perlu menunjukkan kad MyKid anda?

- A** Ketika membeli barang keperluan.
- B** Ketika melancong ke negara lain.
- C** Ketika masuk ke kelab malam.
- D** Ketika mendaftar sekolah.

FORM 03
CONTOH

KERAJAAN MALAYSIA
CABUTAN DARI DAFTAR KELAHIRAN
Online (Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, 1971 - Senarai 1981-1990)
(Bekas 1981, Kertas 13)

Komisi Pendaftaran SARAWAK	Pusat Pendaftaran JPM BINTULU
KARAK-KANAK	
Nama ANDELICA THYMAH	
Tarikh dan Waktu Kelahiran 10 Mei 2008 11:11 PM	Jantina PEREMPUAN
Tempat Kelahiran HOSPITAL BINTULU	
WARGANEGARA	
BAPA	
Nama AMIS ANAK ABAI	
No. Kad Pengenalan [REDACTED]	Umur 34 TAHUN
Jenis dan No. Dokumen Lain -Tidak Berkenaan-	
Taraf Pendidikan WARGANEGARA	Keturunan ISAN ATAU SEA DAYAK
Agama KRISTIAN	
IBU	
Nama GEORUA ANAK UJAK	
No. Kad Pengenalan [REDACTED]	Umur 43 TAHUN
Jenis dan No. Dokumen Lain -Tidak Berkenaan-	
Taraf Pendidikan WARGANEGARA	Keturunan ISAN ATAU SEA DAYAK
Agama KRISTIAN	
Tempat Tinggal [REDACTED]	
No. Daftar [REDACTED] Tarikh Pendaftaran 10 Mei 2008	Disahkan bahawa maklumat di atas adalah seperti yang dicatat dalam Daftar Kelahiran [Signature] PENDAFTAR MELAYAH KELAHIRAN & KEMATIAN, SARAWAK

Gambar 3

Gambar di atas merupakan contoh sijil kelahiran warganegara Malaysia. Apakah maklumat yang biasanya terdapat dalam sijil kelahiran?

- I warna kegemaran anda
- II kaum
- III hobi ibu bapa
- IV jantina

- A** I dan II
- B** II dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

10 Senarai di bawah merupakan kepentingan dokumen sijil kelahiran yang boleh digunakan dalam pelbagai urusan **kecuali**....

- A Urusan pendaftaran sekolah.
- B Dokumen pengenalan diri bagi urusan rasmi.
- C Membuka akaun bank.
- D Mendaftar kelab kokurikulum di sekolah.

11 Bagaimanakah hubungan antara keluarga kembangan dan keluarga asas?

- A Keluarga asas adalah keluarga angkat kepada keluarga

kembangan.

- B Keluarga kembangan adalah sebahagian dari keluarga asas.
- C Tiada pertalian darah antara mereka.
- D Mereka adalah dari keluarga yang berlainan.

12 Gambar di bawah menunjukkan potret sebuah keluarga.



Gambar 4

Pada pendapat anda, yang manakah antara di bawah merupakan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak?

- A Menjadi contoh teladan yang baik.
- B Menuruti segala permintaan anak-anak.
- C Memastikan anak-anak menyediakan makan malam setiap hari.
- D Membiarkan anak-anak membuat keputusan sendiri tanpa bimbingan.

13 Antara yang berikut, komponen manakah yang lazimnya tidak terdapat dalam alamat sekolah?

- A poskod
- B nama negeri
- C nama posmen
- D nama jalan

- 14** Pernyataan di bawah merupakan penerangan dari seorang murid mengenai cara untuk pergi ke sekolahnya.

Sekolah saya terletak di lokasi yang strategik dan mudah dikunjungi dengan menggunakan jalan raya. Mercu tanda yang berhampiran dengan sekolah saya ialah Gereja Alexander, Klinik Kesihatan Malaysia dan Stesen Bas Pudu 2.

Terdapat beberapa tempat yang disebut dalam penerangan di atas. Tempat-tempat tersebut dikenali sebagai..

- A** simbol perhentian
- B** tanda tempat
- C** tempat perhentian
- D** mercu tanda

- 15** Rajah di bawah merupakan senarai bagi identiti sebuah sekolah.

- lencana
- lagu sekolah
- **X**

Apakah **X**?

- A** guru besar
- B** bendera
- C** logo kelab badminton sekolah
- D** laman sesawang sekolah

- 16** Gambar di bawah menunjukkan gambar Imam Perang Teh iaitu salah seorang tokoh Kampung Sanggang bersama-sama Orang Besar Berlapan Negeri Pahang.



Gambar 4

Mengapakah tokoh setempat sangat penting dalam sesebuah komuniti?

- A Mereka memainkan peranan penting dengan menyumbang secara aktif kepada komuniti.
 - B Mereka tidak mempunyai kesan terhadap pembangunan komuniti
 - C Mereka tidak ambil peduli tentang kesejahteraan orang lain
 - D Mereka menyebabkan perpecahan dalam komuniti
- 17** Istilah yang paling sesuai untuk menggambarkan seorang “malim gunung” ialah..
- A jurumasak
 - B seniman
 - C atlet
 - D pemandu
- 18** Antara yang berikut, yang manakah merupakan antara kemudahan asas yang terdapat di kawasan perumahan?
- I taman permainan
 - II surau
 - III taman tema air
 - IV muzium

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan III
- D** II dan IV

19 Gambar di bawah merupakan hidupan yang wujud pada zaman Air Batu.



Hidupan di atas dikenali sebagai

- A** harimau bertaring
- B** mamot
- C** kerbau
- D** gajah berbulu

20 Apakah kesan perubahan pada Zaman Air Batu Akhir yang berlaku di Asia Tenggara?

- A** Pengurangan paras air laut di Pentas Sunda.
- B** Kekurangan aktiviti pergerakan manusia dan haiwan.
- C** Kenaikan paras air laut di Pentas Sunda.
- D** Penurunan pengaruh iklim.

Bahagian B
[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

TP1 Jadankan maklumat di bahagian kiri dengan epok pada Zaman Air Batu di bahagian kanan mengikut kategorinya yang betul.

A

Suhu bumi
rendah

B

Air batu mula
mencair

Epok Pleistosen

C

Tanah dataran
semakin luas

Epok Holosen

D

Manusia tahu
cara
membuat api

E

Suhu bumi
mula
meningkat

[5 markah]

SK	2.1: Zaman Air Batu
SP	2.1.2: Menyenaraikan garis masa Zaman Air Batu

- 2 Tulis **BENAR** bagi pernyataan yang betul dan **PALU** bagi pernyataan yang salah berkaitan Zaman Prasejarah.

SOALAN	PENYATAAN	JAWAPAN
A	Zaman prasejarah adalah masa di mana manusia belum tahu menulis.	
B	Zaman Logam tidak termasuk dalam kategori Zaman Prasejarah.	
C	Antara lokasi terkenal Zaman Paleolitik di Malaysia adalah Gua Niah di Sarawak dan Bukit Tengkorak, Semporna di Sabah.	
D	Nomad ialah masyarakat yang tidak pernah berpindah-pindah dari satu tempat ke tempat lain.	
E	Batu dan kayu merupakan peralatan asas Zaman Prasejarah.	

[5 markah]

- 3 Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah berkaitan sejarah sekolah.

SOALAN	PENYATAAN	JAWAPAN
A	Aplikasi Waze serta papan tanda dapat membantu seseorang untuk mencari lokasi dengan mudah.	
B	Setiap individu dalam komuniti sekolah seharusnya memupuk rasa bangga	

	terhadap institusi tempat mereka menimba ilmu.	
C	Murid-murid tidak perlu menghafal lirik lagu sekolah mereka walaupun ianya merupakan salah satu identiti sekolah.	
D	Guru besar dibantu oleh penolong kanan pentadbiran, penolong kanan hal ehwal murid dan guru panitia.	
E	Adalah menjadi kewajipan bagi setiap murid untuk mematuhi peraturan sekolah.	

[5 markah]

- 4 Lengkapkan pernyataan mengenai sejarah tempat tinggal di bawah dengan menulis pilihan jawapan yang diberikan dengan betul.

tokoh setempat

bentuk muka bumi

kajian kes

aktivis

poskod

Penyataan	Jawapan
(A) Merupakan rangkaian nombor yang digunakan dalam alamat pos untuk mengenal pasti kawasan atau lokasi penghantaran surat atau barang.	
(B) Merujuk kepada ciri-ciri fizikal dan topografi yang terdapat dalam suatu kawasan tempat tinggal.	

(C) Individu yang banyak menyumbang jasa dan bakti kepada komuniti.	
(D)Orang yang terlibat dalam sesuatu kegiatan secara aktif.	
(E) Merujuk kepada penyelidikan atau analisis terhadap satu kes atau situasi yang spesifik.	

[5 markah]

SK	1.4 Kawasan Tempat Tinggal
SP	1.4.1 Menyatakan maklumat lengkap mengenai tempat tinggal. 1.4.2 Menerangkan bentuk muka bumi kawasan tempat tinggal. 1.4.4 Menghuraikan tokoh setempat di tempat anda.

Bahagian C [10 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 1 Teliti gambar-gambar di bawah kemudian jawab soalan yang berikut.



(a) Berdasarkan gambar di atas, huraikan kesan kenaikan air laut di Pentas Sunda.

(KBAT)

(i) Pembentukan _____ dan _____.

(ii) Menenggelamkan kawasan _____ di sepanjang tepi pantai.

(iii) Kewujudan _____ di Asia Tenggara.

sungai	tanah rendah	tasik	penempatan baharu
--------	--------------	-------	-------------------

[3 markah]

(b) Pada pendapat anda, apakah langkah perlu diambil untuk memelihara dan memulihara alam sekitar?


(KBAT)

(i) _____
(ii) _____

[2 markah]

SK	2.1 Zaman Air Batu
SP	2.1.4 Memahami kesan perubahan Zaman Air Batu Akhir

2 Gambar di bawah menunjukkan seorang tokoh sejarawan terkenal dalam dunia sejarah.



- (a) Berdasarkan gambar di atas, tuliskan nama tokoh sejarawan tersebut dan definisi sejarah mengikut pendapat beliau.

[2 markah]

- (b) Nyatakan tiga kepentingan mempelajari sejarah Malaysia.

(KBAT)

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____

[3 markah]

SK	1.1 Pengertian dan Kemahiran Ilmu Sejarah
SP	K.1.1.6 Menyatakan kepentingan mempelajari sejarah.

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN SEJARAH TAHUN 4 SET 1

BAHAGIAN A (20 markah)

Nombor soalan	Jawapan	Topik Soalan	Markah
1	B	UNIT 1: MENGENALI SEJARAH	1
2	C		1
3	C		1
4	D		1
5	C		1
6	C		1
7	A	UNIT 2: SAYA DAN KELUARGA	1
8	D		1
9	C		1
10	D		1
11	B		1
12	A		1
13	C	UNIT 3: SEJARAH SEKOLAH	1
14	D		1
15	B		1
16	A	UNIT 4: SEJARAH TEMPAT TINGGAL	1
17	D		1
18	A		1
19	B	UNIT 5: ZAMAN AIR BATU	1
20	C		1

BAHAGIAN B (20 markah)

SOALAN 1

UNIT 5 : ZAMAN AIR BATU

	Jawapan	Markah
A	Epok Pleistosen	1
B	Epok Holosen	1
C	Epok Pleistosen	1
D	Epok Pleistosen	1
E	Epok Holosen	1

SOALAN 2
UNIT 6 : ZAMAN PRASEJARAH

	Jawapan	Markah
A	BENAR	1
B	PALSU	1
C	PALSU	1
D	PALSU	1
E	BENAR	1

SOALAN 3
Unit 3: SEJARAH SEKOLAH

	Jawapan	Markah
A	√	1
B	√	1
C	X	1
D	X	1
E	√	1

SOALAN 4
Unit 4: SEJARAH TEMPAT TINGGAL

	Jawapan	Markah
A	Poskod	1
B	Bentuk muka bumi	1
C	Tokoh setempat	1
D	Aktivis	1
E	Kajian kes	1

BAHAGIAN C (10 markah)**Soalan 1****Unit 5: ZAMAN AIR BATU**

	Jawapan	Markah
1	a) - SUNGAI dan TASIK - LEBIH RENDAH - PENEMPATAN BAHARU	1 1 1 (3 markah)
	b) - Tidak melakukan pembakaran secara terbuka. - Tidak menebang hutan sesuka hati. (Atau mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 (2 markah)

Soalan 2**Unit 1: MENGENALI SEJARAH**

	Jawapan	Markah
2	a) - Herodotus - Sejarah merupakan penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab-sebab mereka melakukannya.	1 1 (2 markah)
	b) - Memperkukuhkan rasa kebanggaan kebangsaan - Menjaga warisan budaya - Dapat belajar dari kesilapan masa lalu. (Atau mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 (3 markah)